

22/11/2003

Tudung Waheeda, kuih Sharifah Aini!

"BOLEH tak tolong carikan tudung Waheeda yang cantik-cantik? Kalau ada kuih Sharifah Aini yang sedap-sedap tu, jangan lupa bawa balik sekali..."

Begitulah antara pesan penaja dari kampung apabila mendengar saya hendak balik beraya dalam sehari dua lagi. Memang tidak syak lagi, tudung Waheeda sekarang sudah menjadi buah mulut orang, tidak kira di kampung atau kota.

Demikianlah penanganan penyanyi lagu Wassini itu dalam dunia fesyen yang kami tonjolkan menerusi ruangan Stail kali ini. Kalau dulu ruih bercakap fasal tudung Wardina, sekarang semua tidak kira budak-budak mahupun mak cik, mahu lilit pashmina macam Wassini... oops, Waheeda.

Bagi Datuk Sharifah Aini pula, bisnis kuih raya, bunga dan cenderahatinya semakin berkembang maju, Baru-baru ini, ada juga syarikat korporat menghantar buah tangan ke Balai Berita dengan bungkusan yang cantik. Belek-belek labelnya, tertera logo Pods & Petals Giftlab. Patutlah presentationnya ada class.

Namun dalam isu ini kami tidak sempat merakamkan perkembangan bisnis Kak Pah dengan rakan kongsinya itu kerana beliau sibuk menghias rumah dan menukar perabot baru, Hai, raya sakan nampak...

Bagi yang ingin bersantai di musim perayaan dan cuti sekolah ini boleh juga melawat A'Famosa Resort di Alor Gajah, Melaka. Daripada cerita wartawan i-Kon yang membuat liputan di sana, baru-baru ini tempat rekreasi itu memang menyeronokkan.

Apapun, anak bulan Syawal bakal terbit beberapa hari lagi. Dan hari ini warga kota mula menghalakan arah perjalanan masing-masing pulang ke kampung halaman. Stesen kerta api, KLIA, Puduraya dan semua stesen kenderaan awam pasti meriah. Dengan erti kata lain, KL akam menjadi lesi seketika sepanjang minggu depan.

Bagi yang memandu di jalan raya, janganlah ghairah menekan minyak. Ingat pesan Tun Dr Mahathir Mohamad dulu, biar sampai lambat sedikit daripada tidak sampai langsung. Orang kampung di sana boleh menunggu kita dan kalau terasa letih memandu singgahlah sebentar di R & R berdekatan untuk minum kopi secawan dan legakan diri.

Dalam kesempatan ini, saya bagi pihak team Editorial i-Kon iaitu Din, Izza, Sobri, Dewi, Fairuz dan Haswari, ingin menghulurkan ucapan Selamat hari Raya Aidilfitri kepada semua pembaca Sisipan Sabtu ini. Juga badan pengiklan yang banyak memberikan sokongan kepada kami selama ini.

Jutaan ampun dam maaf kami pinta andai kata ada terkasar bahasa dalam penulisan mahupun perlakuan.

Untuk adik-adik, janganlah lalai kalau main bunga api.
Selamat Hari Raya!